

# Mahasiswa Putra UPM ungguli 34 kerusi MPP

**KUALA LUMPUR 26 Sept.** - Calon kumpulan pro-Aspirasi (Mahasiswa Putra) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli 34 daripada 45 kerusi yang dipertandingkan dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2017/2018.

Pada masa sama, calon kumpulan promahasiswa (Smart UPM) mendapat lapan kerusi dan calon bebas pula hanya memperoleh tiga kerusi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata, sesi pemilihan MPP kali ini agak sengit dengan 75 individu mencalonkan diri untuk merebut kerusi yang dipertandingkan.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46 calon terdiri daripada pro-Aspirasi, 17 promahasiswa dan 12 calon bebas.

“Walau bagaimanapun, kita serahkan pemilihan tersebut kepada 24,000 pelajar UPM yang layak mengundi kerana mereka lebih mengenali calon masing-masing,” katanya ketika ditemui pemberita di Dewan Putra, UPM, Serdang, dekat sini, hari ini.

		<b>Waktu Solat</b>					
		SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
	<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.46	7.00	1.07	4.15	7.09	8.18
	<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.51	7.05	1.12	4.22	7.13	8.22
	<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.39	6.53	1.00	4.06	7.03	8.11
	<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.37	6.53	12.58	4.04	7.00	8.09
	<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.13	6.24	12.33	3.39	6.36	7.44

Mengulas lanjut tentang proses pemilihan MPP itu, Mohd. Roslan memberitahu, UPM mengambil pendekatan kekal dengan melaksanakan pengundian menerusi sistem e-undi.

Katanya, menerusi sistem tersebut, pengiraan undian dapat dilakukan lebih pantas malah membolehkan undian dari kampus Bintulu diterima dengan selamat.